UMP jalin kerjasama dengan Rajarshi Shahu College

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan JSPM's Rajarshi Shahu College of Engineering, Pune India (JSPM
Persefahaman (MoU) pada 27 Jun 2019 yang lalu dalam majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet UMP

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusof menandatangani M
Pembangunan JSPM's RSCOE, Profesor Dr. Ravi Joshi yang bakal membuka ruang ke arah peningk
Pendidikan Tinggi (IPT).

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, kerjasama ini memfokuskan program mobiliti dan pertukaran pelajar
pengajaran dan kerjasama lain.

"Seramai 15 orang pelajar akan mengikuti program mobiliti ini di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembua

Turut sama hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli, Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Dekan Pembangunan Pelajar dan Hubungan Industri JS Dekan Hubungan Antarabangsa JSPM's RSCOE, Profesor Dr. Sachin Shendokar.

Selain itu, beliau percaya pembangunan modal insan menjadi keutamaan dan sepanjang lima tahun kerjas bersama, penganjuran seminar, program pembangunan dan kepimpinan profesional dan projek usaha s pihak.

Dalam pada itu, pada masa ini, Profesor Dr. Ravi Joshi turut menyampaikan watikah pelantikan pens profesor pelawat bagi berkongsi kepakaran dalam bidang Kejuruteraan dengan pihak JSPM's RSCOE.

Mereka adalah Timbalan Dekan Akademik, FKMP, Profesor Madya Ir. Haji Nik Mohd Zuki Nik Mohamed dan Dr. Mahendran Samykano.

FKASA anjur Persidangan Kebangsaan Kejuruteraan Angin &

Oleh: EMMA MELATI BURHANUDDIN, FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & SUMBER ALAM (FKASA)

Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengan Gempa Bumi (NCWE) Kali Ke-3 yang bertemakan *'Built To Last'* pada 12 dan 13 Julai 2019 yang lalu di Ho

Pada persidangan kali ini turut diadakan Seminar Antarabangsa Kelestarian Kejuruteraan Pembinaan strategik antarabangsa iaitu Beijing Jiaotong University.

Pengerusi Persidangan, Dr. Mohamad Idris Ali berkata, penganjuran NCWE yang terdahulu adala
Kejuruteraan Awam Universiti Sains Malaysia (USM) dan pada tahun ini, FKASA berbangga untuk mem
Universiti Syiah Kuala (UNSYIAH) dari Indonesia.

“Kolaborasi antara ketiga-tiga universiti ini pastinya menjadi tarikan kepada penyelidik seluruh nega
penyelidikan mereka.

“Lebih daripada 75 kertas telah dihantar ke persidangan ini. Bilangan kertas pembentangan ini tela
menentukan kejayaan persidangan ini,” ujar beliau.

Manakala menurut Dekan FKASA pula, ia adalah permulaan yang baik untuk kami sejak kami menukar pro

"Pada tahun ini, kami juga mempunyai kertas pembentangan dari Korea Selatan, Nigeria dan Emiriah Ara
dan kami harap lebih banyak lagi penyelidik akan datang untuk persidangan pada masa depan,” katanya.

Kemuncak persidangan dua hari ini adalah pembentangan daripada empat Panel Ucaptama yang terkenal

Panel Ucaptama yang pertama ialah Profesor Dr. Yukio Tamura dari Chongqing University, China dan Par
Shuyang Cao dari Tongji University, China telah berkongsi kepakaran mereka dalam kejuruteraan angina.

Sementara itu, Panel Ucaptama ketiga Profesor Madya Dr. Guoqing Jing dari Beijing Jiaotong Uni
inovasinya yang berkaitan dengan kejuruteraan kereta api.

Manakala Panel Ucaptama keempat pula ialah Dr. Ade Faisal dari Univeritas Muhammadiyah Sumate
bencana gempa.

---

171 pelajar sekolah calon UPSR timba pengalaman kampu

Seramai 171 orang pelajar tahun 6 daripada tujuh buah sekolah sekitar Pekan dan Kuantan telah meny
Outreach UPSR anjuran Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Univer
Perpustakaan UMP Kampus Pekan pada 17 Julai 2019 yang lalu.

Tujuh sekolah yang menyertai program tersebut adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Wira, SK Jaya Gading
SK Indera Shahbandar, SK Lepar dan SK Paloh Hinai.

Selain program motivasi, antara aktiviti yang diadakan adalah seperti *jigsaw puzzle* dan *digital literacy* y
dikenali sebagai *The Reading Makcixx.*

Menurut pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Nor Farizan Zakaria merangkap
berkata, antara pengisian iaitu berkongsi dengan pelajar mengenai dunia siber, media sosial, pembelian s
alam Siber, penipuan dan penyamaran di alam siber dan ketagihan gajet dan internet.

“Program ini sangat membantu dalam membina perwatakan pelajar di alam siber dan mereka perlu diberi keselamatan yang perlu diambil semasa menggunakan internet dan dunia siber ini,” katanya.

Manakala menurut salah seorang pelajar SK Wira, Kuantan, Wan Norizati Suriya, 12, banyak ilmu yang dip

Ujarnya, walaupun mempunyai sebuah telefon pintar namun penggunaannya masih dipantau oleh kedua ib

“Namun dari sudut positif, banyak juga kebaikan menggunakan media sosial terutama dalam pe menambahkan pengetahuan dan kemahiran digital dan internet,” katanya.

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Baidzawi Che Mat pula, program sehari ini bertujuan untuk me pelajar di samping memberi pendedahan kepada pelajar untuk belajar di luar bilik darjah.

“Selain itu, program ini diadakan di dalam kawasan UMP yang mana dapat memberi pendedahan kepada universiti.

“ECERDC komited dalam memberi peluang kepada rakyat di Wilayah ECER secara inklusif untuk mencapa program yang telah dirangka secara holistik.

“Oleh kerana itu, program ini adalah amat penting untuk memberi motivasi dan galakan kepada semua yang mereka mampu meraih kejayaan sekiranya pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari ketika mengi dengan sebaik-baiknya,” katanya.

Kemahiran Mencongak dalam kalangan kanak

Oleh: Dr. Norazaliza Mohd Jamil
e-Mel: norazaliza@ump.edu.my

Pernahkah anda berhadapan dengan situasi seperti ini? Anda dan keluarga menjamu selera di sebuah res
yang dinyatakan berbeza dari segi jumlah yang anda jangka. Anda meminta pekedai untuk menyemak se
tadi salah, lalu beliau memperbetulkan kesilapannya. Situasi kedua, semasa membeli- belah di pasar r
barang dari troli kerana jumlah harga keseluruhan barang-barang dalam troli melebihi bajet yang telah and
ini ada kaitan dengan kemahiran mencongak.

Perkataan ‘congak’di dalam Kamus Pelajar Edisi Kedua bermaksud hitungan yang dibuat di dalam kep
atau tidak dengan menggunakan alat pengira. Kemahiran mencongak juga dikenali sebagai pengiraan me
nombor di mana ia melibatkan proses tambah, tolak, bahagi, dan darab. ‘Mental’ pula berkaitan denga
kemahiran mencongak merupakan proses mengira yang melibatkan operasi tambah, tolak, bahagi atau da
pen, kertas, kalkulator, abakus dan sebagainya.

Menurut kajian yang telah diterbitkan di dalam *Malaysian Journal of Medical Sciences* pada tahun 2011 b
Subtraction Task in In-Noise and In-Quiet’, pengiraan mental aritmetik mengaktifkan kedua-dua baha
hemisfera kiri pada otak manusia diaktifkan ketika bekerja dengan pemikiran logik. Semasa mencongak, p
darab menggunakan otak sebelah kiri. Manakala tumpuan dan memori yang diperlukan untuk menjayak
bahagian otak sebelah kanan. Hasil kajian Gavin R. Price yang diterbitkan di dalam *The Journal of N*
kemahiran mencongak membantu seseorang untuk menguasai ilmu matematik di tahap yang lebih tinggi.

Bijak pandai ada mengatakan, 'belajar semasa kecil umpama mengukir di atas batu, sedangkan belajar se
sebab inilah, penting untuk kita mengasah kemahiran mencongak dalam kalangan kanak-kanak. Kemah
sejak kecil ketika usia antara lima hingga 12 tahun. Jika anda terlepas umur sebegini, sebenarnya pada u
untuk bermula. Pelbagai teknik mencongak boleh diaplikasikan bergantung kepada kemampuan dan kese
mencongak perlu dilatih setiap hari secara konsisten dan kemahiran ini bukan semata-mata untuk pelajar g

Matematik ialah suatu logikal dan ia sepatutnya diselesaikan dengan kaedah jalan kira yang logik. Sala
operasi tambah dan tolak dinamakan sebagai teknik cerakin. Cerakin bermaksud memisahkan atau
asalnya. Misalnya, nombor 2786 boleh dicerakinkan menjadi 2786 = 2000 + 700 + 80 + 6.

Dalam teknik mencongak cara ini, nombor-nombor yang terlibat dicerakinkan supaya pengiraan menjad
secara terperinci dalam contoh berikut.

Contoh 1: 455 + 380

Langkah pertama: Cerakinkan nombor-nombor yang terlibat.
455 = 400 + 50 + 5
380 = 300 + 80

Langkah kedua: Lakukan operasi tambah pada nilai tempat ratus.
400 + 300 = 700

Langkah ketiga: Lakukan operasi tambah pada nilai tempat puluh. Kemudian, tambahkan dengan hasil jaw
50 + 80 = 130
700 + 130 = 830

Langkah keempat: Lakukan operasi tambah pada nilai tempat sa. Kemudian, tambahkan dengan hasil jawa
5 + 0 = 5
830 + 5 = 835
Jawapan: 835

Perhatikan bahawa penambahan dilakukan mengikut nilai tempat seperti ribu, ratus, puluh, dan sa dan
Proses mencari hasil tambah pada nilai tempat seterusnya ini berulang dengan mengikut tertib menurun ia
berikut menunjukkan jalan kira yang lebih ringkas.

Contoh 2: 675 + 495

Langkah pertama: 600 + 400 = 1000

Langkah kedua: 70 + 90 = 160, 1000 + 160 = 1160

Langkah ketiga: 5 + 5 = 10, 1160 + 10 = 1170

Jawapan: 1170

Teknik cerakin bagi operasi tolak pula berbeza sifatnya. Dalam kes ini, hanya nombor kedua saja diceraki
contoh 3. Contoh 4 pula menunjukkan jalan kira yang lebih ringkas.

Contoh 3: 821 – 149

Langkah pertama: Cerakinkan nombor kedua.
149 = 100 + 40 +9

Langkah kedua: Lakukan operasi tolak pada nilai tempat ratus.
821 – 100 = 721

Langkah ketiga: Dari jawapan pada langkah sebelum, lakukan operasi tolak pada nilai tempat puluh.
721 – 40 = 681

Langkah keempat: Dari jawapan pada langkah sebelum, lakukan operasi tolak pada nilai tempat sa.
681 – 9 = 672

Jawapan: 672

Contoh 4: 9456 – 2589

Langkah pertama: 9456 – 2000 = 7456

Langkah kedua: 7456 – 500 = 6956

Langkah ketiga: 6956 – 80 = 6876

Langkah keempat: 6876 – 9 = 6867

Cara proses berfikir untuk mencongak digambarkan dalam langkah-langkah di atas. Dengan menggun dalam kepala tanpa menulis di atas kertas. Untuk menguasai kemahiran ini, kanak-kanak perlu berlatih m secara mencongak. Setelah beberapa ketika, selepas latihan demi latihan dilakukan, kepantasan meng masa berlalu, pengiraan menjadi lebih mudah dan kanak-kanak akan berjaya mencongak tanpa memerluk

Kemahiran mencogak dapat menguatkan daya ingatan dan menajamkan fikiran. Mencongak memerluk mengingati dan memanggil balik kiraan Matematik dengan cepat untuk mendapatkan jawapan. Kadang-k kegelisahan dan ketakutan kepada kanak-kanak kerana kesukaran untuk menguasai subjek tersebut. Ke perasaan tersebut dan membolehkan kanak-kanak melihat Matematik dari sudut pandang yang positif. J berasa lebih yakin, timbul minat dan akan dapat menguasai subjek Matematik dengan baik.

Mungkin ada yang mengatakan bahawa kemahiran mencongak tidak lagi relevan di masa ini. Seiring den pesat, telefon pintar sentiasa menjadi pendamping kebanyakan orang. Aplikasi kalkulator dalam telefon mana-mana saja pada bila-bila masa, jadi mengapa perlu bersusah-payah mencongak? Sebenarnya, se kepentingan dan kelebihan kemahiran mencongak yang tidak dapat dinikmati jika kita bergantung seper 'otak adalah teknologi termaju yang kita miliki'.

Penulis ialah Pensyarah di Fakulti Sains & Teknologi Industri, Universiti Malaysia Pahang.

Sidang Editorial

PENAUNG
Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR
Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR
Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS
Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB
MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK
Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO
Khairu Aidilnishah Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN
Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terha tidak mengubah isi tulisan. Karya yang disiarkan tidak pendapat dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada pen

EDITOR
Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safriza@ump.edu.my

5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my

- 87 views

View PDF

Newsletter Image

CREATE
e-newsletter

Universiti Malaysia PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

